

0561

U B192 DEB

MAHATHIR - SETIAUSAHA R R R

I

PELABUHAN KELANG, 23 JAN (BERNAMA) -- CALON BAGI MENGGANTIKAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMED, YANG AKAN BERSARA, SUDAH DIPILIH, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

NAMA ITU, BAGAIMANAPUN, HANYA AKAN DIUMUMKAN APABILA TIBA MASANYA, KATA BELIAU KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA SELEPAS BELAYAR SELAMA TIGA JAM DI ATAS KAPAL LAYAR DIRAJA +TUNAS SAMUDERA+ DI SELAT KLANG UTARA DI SINI.

PERDANA MENTERI HANYA TERSENYUM KETIKA DITANYA SAMA ADA KETUA PENGARAH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM TAN SRI ALWI JANTAN AKAN MEMEGANG JAWATAN ITU.

SEBUAH AKHBAR HARIAN HARI INI MELAPORKAN JAWATAN ITU BERKEMUNGKINAN BESAR AKAN DIAMBILALIH OLEH TAN SRI ALWI KERANA SECARA TRADISI KETUA PENGARAH JPA DINAIKKAN PANGKAT SEBAGAI KSN.

PERDANA MENTERI KELIHATAN GEMBIRA SEMASA PELAYARAN ITU. BELIA MENUKAR PAKAIAN DARIPADA BUSJAKET KEPADA KEMEJA-T LENGAN PANJANG BERWANA BIRU DAN SELUAR TREK PUTEH SEPERTI YANG DIPAKAI OLEH 24 BELIA YANG SEDANG MENGIKUTI LATIHAN 10 HARI DI ATAS KAPAL ITU. -- LAGI.

1551MST 23 01 89

R B195 DEB

MAHATHIR - SETIAUSAHA 2 PELABUHAN KELANG

YANG TURUT BERSAMA MENYERTAI PELAYARAN ITU IALAH MENTERI PENDIDIKAN ENCIK ANWAR IBRAHIM, PANGLIMA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA TAN SRI ABDUL WAHAB NAWI DAN MENTERI NEGARA BRITAIN BAGI HAL EHWAL LUAR DAN KOMANWEL LORD IVON ANTHONY MOORE BRABAZON, YANG TIBA DI SINI MALAM TADI BAGI LAWATAN RASMI EMPAT HARI.

KAPAL LAYAR SEPANJANG 44 METER DAN BERTERANGA \$18 JUTA ITU DIBINA OLEH SEBUAH SYARIKAT UNITED KINGDOM.

YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH DAN RATU ELIZABETH II TELAH BERANGKAT PADA MAJLIS PENYERAHAN KAPAL LAYAR ITU KEPADA TLDM DI PANGKALAN TLDM LUMUT, OKTOBER LEPAS.

SKIM LATIHAN DI ATAS KAPAL ITU ADALAH BAGI MEMBERI PARA PESERTA PENGALAMAN DALAM PELAYARAN DAN PADA MASA YANG SAMA, MENANAMKAN DISIPLIN DIRI DAN MOTIVASI DALAM MENGHADAPI CABARAN. -- BERNAMA.
1607MST 23 01 89